

**PENURUNAN KUASA PERBENDAHARAAN KEPADA PEGAWAI PEGAWAL
PERBELANJAAN BAGI PENGISIAN JAWATAN
PB 2.3/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
1.	Perbelanjaan Bagi Pengisian Jawatan	
1.1.	Tujuan	
1.1.1.	Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menurunkan kuasa Perbendaharaan kepada Pegawai Pengawal meluluskan perbelanjaan yang melibatkan pengisian jawatan.	Ketua Pengarah
1.2.	Penurunan Kuasa	
1.2.1.	Selaras dengan konsep <i>Let Managers Manage</i> , Perbendaharaan dengan ini menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan perbelanjaan yang melibatkan pengisian jawatan.	Ketua Pengarah
1.2.2.	Pegawai Pengawal dibenarkan meluluskan perbelanjaan yang melibatkan pengisian jawatan tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan bagi jawatan-jawatan yang telah diwujudkan kecuali bagi jawatan jumud serta pengisian secara kontrak.	Ketua Pengarah & KUPSM/Pegawai UPSM
1.2.3.	Bagi memastikan kuasa yang telah diberikan ini dilaksanakan dengan teratur, Pegawai Pengawal tidak dibenarkan menurunkan kuasa ini kepada pegawai-pegawai lain. Sekiranya syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan ini tidak dipatuhi Pegawai Pengawal boleh dikenakan tindakan surcaj dan tindakan tatatertib yang lain.	Ketua Pengarah & KUPSM/Pegawai UPSM